4. Pengerusi Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia KL.
5. Ketua Penolong Pengarah Unit Perhubungan & Pendaftaran Johor surat SR

復辦昔加末華文獨立中學委員會

柔佛昔加挽玫瑰路四號(三樓)

KOMITTEE PENUBUHAN SEMULA SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN SEG HWA

No. 4, (2nd Floor) Jalan Ros, 85000 Segamat, Johore.

TEL: No. 07-911732 & 913205

1984.6
SALINAN 6

Our Ref:

Your Ref:

Date 6-1-95

YAB Dato Seri Anwar b Ibrahim,
Timbalan Perdana Menteri Malaysia,
Blok 9, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan,
Jalan Duta,
50592 Kuala Lumpur.

YAB Dato Seri,

FER: Merayu membantu meluluskan Lesen Pendaftaran penubuhan semula
Sekolah Menengah Persendirian SEG HWA

Kami dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut diatas merayu supaya mendapat jasa yang baik daripada YAB Dato Seri dengan memberi sokongan dan memberi arahan kepada Menteri Pendidikan Malaysia supaya meluluskan Lesen Pendaftaran permohonan kami yang bertarikh 3-7-1986 untuk menubuhkan semula sekolah Persendirian SEG HWA sebagaimana yang telah ditolak oleh Kementerian Pendidikan Malaysia surat Bil SRJ/453/(13) daripada Ketua Pengarah Unit Perhubungan dan Pendaftaran Johor bertarikh 19hb Nov 1987.

2. Suka memaklumkan kepada YAB Dato Seri bahawa rayuan ini adalah merupakan tuntutan daripada semua lapisan kaum Tionghua dan keputusan yang diambil dengan sebulat suara oleh semua Persatuan-Persatuan Daerah Segamat.

2a Untuk pengetahuan YAB Dato Seri bahawa calon Barisan Nasional telah mengumumkan dengan rasminya bahawa Menteri Pendidikan Malaysia (1986) sebenarnya telah meluluskan permohonan kami tersebut dan mereka memberi jaminan kepada semua penduduk-penduduk dan Persatuan-Persatuan Daerah Segamat bahawa Lesen Pendaftaran Sekolah Menengah Persendirian SEG HWA akan dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan semasa berkempen pilihanraya umum pada tahun 1986 dan oleh sebab itu penduduk-penduduk Daerah Segamat telah juga memberi sokongan yang sepenuhnya kepada calon-calon Barisan Nasional untuk memenangi pilihanraya umum dengan cemerlang dikawasan-kawasan pilihanraya Parlimen Segamat Utara dan Selatan.

(1)

復辦昔加末華文獨立中學委員會

柔佛昔加挽玫瑰路四號(三樓)

KOMITTEE PENUBUHAN SEMULA SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN SEG HWA

No. 4, (2nd Floor) Jalan Ros, 85000 Segamat, Johore.

TEL: No. 07-911732 & 913205

Our Ref:

Your Ref:

Date 6-1-95

3. Penduduk-penduduk dan Perantuan-Perantuan di Daerah Segamat berasa amat kecewa apabila mengetahui permohonan penubuhan semula Sekolah Menengah Persendirian SPM HWA telah ditolak oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atas alasan-alasan berikut :-

3.1 Nama Sekolah yang hendak ditubuhkan semula tidak sesuai ,

3.2 Perkara mengenai Bahasa Penghantar utama .

4. Kami suka memaklumkan kepada IAB Dato Seri bahawa seandainya nama sekolah yang kami mencadangkan itu tidak sesuai maka tidak ada apa-apa bantahan terhadap perubahan nama yang lebih sesuai diperseetujui oleh pihak Kerajaan

5. Berkemungkinan dengan penggunaan Bahasa Penghantar utama , kami ingin menggunakan Bahasa Malaysia , Bahasa Tionghua dan Bahasa Inggeris . Tujuan kami mengutarakan tiga bahasa adalah tertakluk kepada faktor-faktor berikut :-

5a. Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Tionghua adalah sejajar dengan Pendidikan Negara dan Perlembangan Malaysia yang menegaskan nilai-nilai murni pemikiran patriotik perpaduan antara kaum dan seterusnya mewujudkan sebuah negara yang teguh dan bersatu padu. -Kedua pengajaran berasaskan tiga jenis bahasa adalah bersesuaian dengan inspirasi dan hasrat masyarakat yang berbilang kaum. Melalui pengajaran tiga jenis bahasa akan dapat melatih para pelajar yang berpengetahuan profesional agar dapat berkhidmat kepada masyarakat dengan laju berkesan .

5b. Kebudayaan Cina mempunyai unsur-unsur falsafah yang teguh dan mampu membina masyarakat dan negara seumpamanya ajaran Confucius , Mencius , Chu Hsi, kepercayaan politik Wong Ann Sek serta falsafah yang beraliran lain . Negara-negara yang

POS MALAYSIA BERHAD

(Pos-R. & P. 1A)

	Pendaftaran No.	Diterima Benda Berdaftar di bawah ini yang beralamat kepada
1	4778	United Chinese School Com- R
2	479	Dato Dr. H. Salaiman Pand - (C)
3	180	Dato Sri An Key Yee - (C)
4	181	J. Pel. Neg. Johor 2 JPB
5		



復辦昔加末華文獨立中學委員會

柔佛昔加挽玫瑰路四號(三樓)

KOMITTEE PENUBUHAN SEMULA SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN SEG HWA

No. 4, (2nd Floor) Jalan Ros, 85000 Segamat, Johore.

TEL: No. 07-911732 & 913205

Our Ref:

Your Ref:

Date 6-1-95

pada zaman ini seperti Negeri Jepun, Cina, Taiwan, Korea dan Hong Kong juga menegaskan kepada Bahasa Tionghua dan kini telah mencapai tahap perkembangan ekonomi yang maju.

5c. Kebudayaan Cina dan ajaran Ugama Islam mempunyai satu kesimpulan yang sama bagi membangunkan negara.

5d. Penggunaan Bahasa Cina semakin luas di seluruh dunia terutamanya dalam bidang perdagangan dan orang-orang kini telah menitik berat kepada pelajaran Bahasa Cina.

5e. Kebudayaan Cina mempunyai unsur-unsur yang teguh dalam disiplin sains dan teknologi. Penuntut-penuntut Tionghua melalui bahasa penghantar Cina mempelajari ilmu Hisab dan matapelajaran sains tidak menghadapi masalah yang tertimbul dalam kegunaan bahasa dan mereka boleh belajar dengan lebih berkesan dan bermaju dengan cepat. Maka penuntut-penuntut Tionghua yang handal dalam matapelajaran Ilmu Hisab dan Sains mudah dilatih menjadi sebagai saintis, engineer, pakar komputer, pakar ekonomi dan perindustrian yang berguna kepada negara.

Sejarah telah membuktikan bahawa jika hendak bermaju dan mempererat tali perhubungan antara berbagai kaum seharusnya mempelajari Bahasa Malaysia dalam matapelajaran sastera sahaja dan bukan menggunakan Bahasa Malaysia dalam mengajar Ilmu Hisab, physics, sains dan komputer.

5f. Kebudayaan Cina mempunyai kaedah yang luar biasa dan menitik berat kepada sifat-sifat ketekunan, berbudi bahasa sambil hormat menghormati antara satu sama lain sungguh mempertahankan pengaruh dari kebudayaan Barat. Ia merupakan senjata yang baik untuk mencabar kebudayaan bersia-sia dan bosiah.

5g. Sebagai pemimpin nasional yang cekap seperti IAB Dato Seri seharusnya menitik berat kepada kebudayaan yang positif dan bercampur dengan ajaran taknologi bagi melatih golongan pemuda-pemudi menjadi sebagai orang-orang yang berguna hanya

(3)

37

復辦昔加末華文獨立中學委員會

柔佛昔加挽玫瑰路四號(三樓)

KOMITTEE PENUBUHAN SEMULA SEKOLAH MENENGAH PERSendirian SEG HWA

No. 4, (2nd Floor) Jalan Ros, 85000 Segamat, Johore.

TEL: No. 07-911732 & 913205

Our Ref:

Date 6-1-95

Your Ref:

dengan langkah ini boleh memaju serta berkembang dan memastikan negara kita menuju ke Wawasan 2020 .

Maka Jabatan Pendidikan menolak permohonan Sekolah Menengah Persendirian SEG HWA oleh sebab bahasa pengantar bukan Bahasa Malaysia adalah keputusan yang tidak insaf dan tidak berpatutan . Jabatan Pendidikan seharusnya menimbang semula permohonan kami dan meluluskan Lesen Pendaftaran sekolah tersebut .

6. Bilangan penduduk kaum Tionghua Kawasan Segamat (tidak termasuk Gemas) ialah melebihi 180,000 orang . Jumlah Sekolah Tionghua Daerah Segamat ialah 20 buah dan bilangan murid-muridnya lebih daripada 13,000 orang mengikut perangkaan tahun 1994 . Bilangan murid-murid Tionghua yang menamatkan pelajaran disekolah rendah cina ialah 2300 orang . Oleh kerana Daerah Segamat tidak mempunyai Sekolah Menengah Persendirian, maka sekurang-kurangnya terdapat 800 orang murid pada peringkat umur kecil terpaksa meninggalkan kampung halamannya untuk belajar di Sekolah Menengah Persendirian Tionghua yang terletak di Seremban , Melaka , Muar , Batu Pahat , Aluang , Johor Bahru dan tempat-tempat lain untuk melanjutkan pelajaran mereka . Cara ini telah memberatkan beban dan tanggungan ibubapa di Daerah Segamat . Murid-murid yang berumur kecil tanpa kawalan ibubapa mudah di pengaruhi oleh anasir-anasir jahat .

Di Malaysia setakat ini terdapat 60 buah Sekolah Menengah Persendirian Tionghua . Memang tidak dapat dinafikan bahawa melalui 60 buah Sekolah Menengah Persendirian Tionghua Malaysia tersebut telah dihasilkan pelajar yang sangat berguna kepada masyarakat dan negara . Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Tionghua yang mengutamakan penggunaan tiga jenis bahasa ia-itu Bahasa Malaysia , Tionghua dan Inggeris telah memainkan peranan yang begitu penting dalam memupuk perpaduan rakyat antara kaum di Malaysia . Seandainya penubuhan semula Sekolah Menengah Persendirian SEG HWA dibenarkan maka akan memudahkan penduduk-penduduk kaum Tionghua untuk pelajaran tiga bahasa di Segamat .

7. Mengenai kos pembinaan sekolah , kami akan mengambil keputusan untuk membeli sebidang tanah menjadi tapak sekolah dan membangunkan sebuah sekolah baru .

(4)

復辦昔加末華文獨立中學委員會

柔佛昔加挽玫瑰路四號 (三樓)

KOMITTEE PENUBUHAN SEMULA SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN SEG HWA

No. 4, (2nd Floor) Jalan Ros, 85000 Segamat, Johore.

TEL: No. 07-911732 & 913205

Ref:

Ref:

Date 6-1-95

sumber kewangannya adalah daripada wang derma masyarakat kaum Tionghua dan kami penuh yakin rancangan ini pasti akan dapat dilaksanakan dan berjaya. Jumlah wang derma pembinaan sekolah dijangka akan dikutip ialah RM 3.5 juta.

8. Pada tahun 1985 hingga 1994 penduduk-penduduk Tionghua di Segamat telah menderma kepada sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Rendah Cina, Kolej TAR dan Kolej Selatan lebih daripada RM 13,000,000/= (Ringgit Malaysia tiga belas juta). Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Tionghua di daerah Segamat berkemampuan untuk membiayai dan menyempurnakan rancangan pembinaan sekolah bagi Sekolah Menengah Persendirian Tionghua SEG HWA Segamat

Berdasarkan kepada alasan-alasan tersebut, kami meryu dengan seiklas-iklasnya agar IAB Dato Seri sebagai pemimpin nasional yang mempunyai pengetahuan yang dalam sejarah negara kita dan sanggup memahami falsafah serta kebudayaan Cina akan mengarahkan Menteri Pendidikan Malaysia meluluskan permohonan kami dengan secepat mungkin untuk menunaikan perjanjian Kerajaan Barisan Nasional yang diumumkan oleh calon Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum pada tahun 1986.

Sekian diucapkan ribuan terima kasih.

Yang Benar,
KOMITTEE PENUBUHAN SEMULA
SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN SEG HWA

JAWATANKUASA PENGURUS
SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN SEG HWA

.....
LAI HEE SANG (Pengerusi)

.....
LOW LEE KEE (Pengerusi)

- sk
1. IAB Menteri Pendidikan Malaysia
 2. IAB Dato Seri Dr Ling Liong Sik, National President MCA
 3. IAB Dato Seri Dr Lim Keng Yaik, National President Party Gerakan
 4. Pengerusi Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina M'sia XI
 5. Ketua Penolong Pengarah Unit Perhubungan & Pendaftaran Johor surat SR/453/(13)



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR,
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
80504 JOHOR BAHRU,
JOHOR

Telefon:
Pegawai: 07-3617
Pejabat Am: 07-3
Dhg. Peperiksaan:
Kawat: PELAJARAN J

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: SJW/453/(13)

Tarikh: 19 November 11

Pengurus
Komitee Penubuhan Semula
Sekolah Menengah Persekolian Seg Hwa
No. 4, Tingkat 2, Jalan Iban
85000 Segamat
Johor.

Per: Permohonan Penubuhan Semula Sekolah
Menengah Persekolian Seg Hwa, Segamat, Johor.

Dengan hormatnya surat tuan bertarikh 3 Julai 1986 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menubuhkan semula Sekolah Menengah Persekolian Seg Hwa, Segamat tidak dapat dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:-

- 2.1. bahawa pada awal tahun enam puluhan, Sekolah Menengah Seg Hwa (pada masa itu Hwa Chio High School Segamat) telah bersetuju menerima tawaran Kerajaan untuk menjadi sebuah sekolah 'conforming' yang menerima bantuan penuh daripada Kerajaan. Oleh itu mulai dari tarikh tersebut tidak wujud lagi sebuah sekolah persekolian di bawah nama Sekolah Menengah Persekolian Seg Hwa. Dalam keadaan demikian, soal untuk menubuhkan semula sebuah sekolah menengah persekolian yang menggunakan nama Seg Hwa tidak sepatutnya ditimbulkan kembali; dan
- 2.2. bahawa untuk menentukan pencapaian matlamat dasar pelajaran kebangsaan, penubuhan sebuah sekolah seperti mana yang dipohon adalah dianggap tidak sesuai dari segi penggunaan bahasa pengantar utamanya yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia.

Sekian.

'DE KHIIDMAT UNTUK NEGARA'

(MUSA BIN ABUUL HAMID)
Ketua Perancang-Pengarah
Unit Perhubungan Dan Pendaftaran
d.p. Pendaftaran Sekolah-Sekolah
Johor.

a.k.

Kotun Satinugaha
Komantorian Pendidikan Malaysia.
Bahagian Pendaftaran Sekolah & Guru
Tingkat 16, Bangunan Bank Pertanian
Leboh Pasar Besar
50604 KUALA LUMPUR.

(U.P. Enck P. Navaratnamjani)

- Surat tuan KP(MPG) 5195/17/X/(17) bertarikh 17.7.1987
ada berkaitan.

MAM/ahg.



新山寬柔學校

(非盈利有限公司)

JOHORE BAHRU FOON YEW ASSOCIATED CHINESE SCHOOLS

(COMPANY LIMITED BY GUARANTEE)

Bil. Kami - Our Ref:

附件

Bil. Tuan - Your Ref:

SALINAN

May 29, 1989

Y.B. Encik Anwar Bin Ibrahim
Menteri Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Tingkat 16, Bangunan Bank Pertanian
Leboh Pasar Besar
50604 Kuala Lumpur.

Yang Berhormat,

Penubuhan cawangan sekolah Menengah Foon Yew
dikawasan Kulai

Memupuk cendekiawan berupa tanggungjawab warganegara. Sebagai warganegara Malaysia tentu juga berkewajipan turut membantu negara dalam pengembangan pendidikan demi melatih lebih banyak bakat-bakat untuk pembangunan negara. Selama ini Sekolah Menengah Persendirian Cina berperanan sebagai 'pendidik' untuk membantu kerajaan dalam pengembangan pendidikan. Berdasarkan alasan-alasan berikut serta kehendak ibu-bapa murid dalam kawasan Kulai, kami berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberi pertimbangan terhadap hasrat ibu-bapa murid dalam kawasan tersebut serta meluluskan permohonan penubuhan cawangan Sekolah Menengah Foon Yew dikawasan Kulai. Kesemua penduduk dikawasan Kulai terasa terhutang budi atas bantuan Kementerian Pendidikan.

Sekolah Menengah Foon Yew berupa satu-satunya Sekolah Menengah Cina Persendirian dalam lingkungan 30 batu di Kawasan Johor Selatan. Pada setakat ini sekolah ini mempunyai jumlah murid lebih daripada 5300 orang, manakala keluasan pekarangan sekolah cuma 12 ekar. Kini bilangan murid sekolah ini sudah mencapai tahap maksimumnya, yang hanya dapat menerima 1000 orang murid baru daripada 3000 orang calon yang mengambil bahagian dalam peperiksaan masuk pada setiap tahun.

....2/-

新山寬柔學校

(非及利有限公司)

JOHORE BAHRU FOON YEW ASSOCIATED CHINESE SCHOOLS

(COMPANY LIMITED BY GUARANTEE)

Kami - Our Ref:

- 2 -

Dil. Tuan - Your Ref:

Dari Senai sampai Bukit Batu terdapat 11 buah Sekolah Rendah Cina. Seramai 1145 orang murid berkelulusan Darjah VI setiap tahun. Dalam pada itu sebanyak lebih kurang 554 orang murid menyertai peperiksaan masuk yang diselenggarakan oleh sekolah ini setiap tahun. Dan yang berjaya memasuki sekolah ini cuma kira-kira 261 orang. Dengan kata lain masih terdapat seramai 293 orang murid tidak berpeluang melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Foon Yew Johor Bahru.

Murid-murid sekolah ini yang tinggal dikawasan Kulai itu rata-rata membazirkan dua hingga tiga jam dalam perjalanan antara sekolah dengan tempat kediaman mereka setiap hari. Tambahan pula mereka perlu membelanjakan tambang antara \$30-00 hingga \$50-00 setiap bulan. Kepeñatan akibat dari jarak perjalanan yang jauh tersebut berupa tekanan jiwa para pelajar; sedangkan perbelanjaan tambang pula berupa beban ekonomi ibu-bapa murid. Jika pihak kerajaan meluluskan permohonan penubuhan cawangan Sekolah Menengah Foon Yew dikawasan Kulai, justeru kedua-dua beban kelebihan yang tertera itu sudah tentu dapat diatasi dengan sepenuhnya.

Berdasarkan data-data perhincungan, kini seramai lebih daripada 655 orang murid dari kawasan Kulai sedang belajar di Sekolah Menengah Foon Yew. Tambahan murid-murid baru setiap tahun itu sudah tentu memenuhi syarat untuk penubuhan sebuah cawangan sekolah dikawasan Kulai. Kami berkeyakinan bahawa bilangan murid tentu akan bertambah kerana beban-beban kelebihan yang tersebut diatas itu telah dikikiskan.

...3/-




Bil. Kami - Our Ref:

Bil. Tuan - Your Ref:


Asas pembangunan ekonomi sesebuah negara berteraskan taraf pendidikan rakyatnya. Dalam penerokaan ekonomi antarabangsa, perjalinan kebudayaan dan dalam usaha untuk memperolehi kecekapan teknologi baru yang sofistikated, negara Malaysia dapat memainkan peranan yang tertentu kerana keunikannya yang tidak terdapat pada negara-negara lain. Faktor yang terutama sekali ialah rakyat negara ini berkemampuan menguasai berbagai bahasa. Fenomena ini berupa kelebihan pendidikan negara Malaysia pada masa ini.

Demi memenuhi kehendak penduduk-penduduk dikawasan Kulai, pihak kami sangat-sangat berharap Yang Berhormat meluluskan permohonan penubuhan cawangan Sekolah Menengah Foon Yew dikawasan Kulai. Atas perhatian dan pertimbangan pihak tuan, kami sudahi dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga.

Yang Benar,
J.B. FOON YEW ASSOCIATED CHINESE SCHOOLS




CHERN YEN MING
Pengerusi, Jemaah Pengelola



DATO KUEK HO YAO
Timbalan Pengerusi, Jemaah Pengelola





CHENG SHIAW SWIE J.P.
Pengerusi, Jawatankuas Penyelenggaraan
SEKOLAH MENENGAH FOON YEW
CAWANGAN KULAI

S
Sa
(P.
Bah
b.p
Kem
s.k
Penc
Johc
KA/st



BAHAGIAN PENDAFTARAN SEKOLAH DAN GURU,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
PENDIDIKAN
TINGKAT 16, BANGUNAN BANK PERTANIAN,
LEHONG PASAR BESAR,
50604 KUALA LUMPUR.

344 8
SALINAN
Telefon: 2922066
Kawat: PELAJARAN

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: KP(BPSG)5195/17/W/(48)
Tarikh: 5 Oktober 1989

Pengerusi,
Jemaah Pengelola,
Johore Bahru Foon Yew Associated Chinese Schools,
59-C Jalan Ibrahim Sultan,
80300 Johor Bahru.

Tuan,
Penubuhan Cawangan Sekolah Menengah Foon Yew
di Kawasan Kulai

Kementerian ini telah menerima surat tuan bertarikh 29 Mei 1989 yang dialamatkan kepada Menteri Pendidikan YB Encik Anwar Ibrahim mengenai perkara tersebut di atas.

2. Selepas mengkaji permohonan dari pihak tuan, saya diarah memaklumkan bahawa dengan dukacita Kementerian ini tidak dapat meluluskan permohonan untuk menubuhkan cawangan Sekolah Menengah Foon Yew di kawasan Kulai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(P. NAVARATNARAJAH)
Bahagian Pendaftaran Sekolah dan Guru,
b.p. Pendaftar Besar Sekolah dan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

*Acc via ycm my
11/10/89*

s.k.

Pendaftar Sekolah-sekolah,
Johor.

KA/sms.

Cheng Shiaw Swie, J.P.
Pengerusi Jawatankuasa Protem
Penubuhan Sek. Men. Foon Yew Cawangan Kulai,
c/o 79, Jalan Raya,
81000 Kulai,
Johor.

Kepada,
Y.B. En. Anwar bin Ibrahim,
Menteri Pendidikan Malaysia,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Paras 7, Blok J,
Pusat Bandar, Damansara,
50604 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Ruj. Tuan : KP(BPSG)5195/17/W/(48)

19 September 1990

Yang Berhormat,

Permohonan Penubuhan Sekolah Menengah Foon Yew Cawangan Kulai

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Protem Penubuhan Sekolah Menengah Foon Yew Cawangan Kulai, pernah menyampaikan permohonan berkenaan dengan perkara yang tersebut kepada Yang Berhormat pada 29 Mei 1989. Dukacitanya pihak kami menerima surat penolakan atas perkara tersebut dari Kementerian Pendidikan pada 5 Ogos 1989. Berdasarkan permintaan dan hasrat penduduk Kulai, Jawatankuasa ini menyampaikan alasan-alasan berikut dengan harapan pihak Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan semula atas permohonan tersebut.

2. Sejak negara Malaysia mencapai kemerdekaan, kerajaan Barisan Nasional telah berusaha dengan sedaya upaya untuk memperkembangkan pendidikan. Dalam pada itu, Kerajaan juga mengambil langkah serta mengamalkan dasar terbuka supaya pelbagai aliran pendidikan dapat berkembang dengan bebas serta turut memupuk bakat-bakat pembangunan dalam berbagai bidang. Justeru itu rakyat berbilang bangsa dapat menikmati kehidupan yang penuh berbahagia di dalam negara yang maju dan aman damai. Setiap rakyat berasa bangga atas kejayaan tersebut.

3. Suatu kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa dasar pendidikan Sekolah Menengah Foon Yew tidak pernah terpesong daripada dasar pendidikan negara. Sekolah ini telah memupuk berpuluh-ribu tamatan untuk pembangunan negara.

4. Jumlah murid Sekolah Menengah Foon Yew kini telah melampaui lima ribu empat ratus orang. Keluasan pekarangan sekolah hanya dua belas ekar. Memandangkan keadaan yang sedemikian, sekolah ini tidak mampu lagi menampung lebih ramai murid berkelulusan dari sekolah rendah yang bahasrat melanjutkan pelajaran di sekolah ini. Oleh yang demikian, lebih daripada 3000

calon yang mengambil peperiksaan masuk ke sekolah ini, namun sekolah ini cuma dapat menerima 1000 orang murid dan yang lain terpaksa dikikiskan.

5. Pada setakat ini, murid-murid berasal dari kawasan Kulai yang sedang belajar di sekolah ini telah meningkat hingga 650 orang. Dan jumlah murid ini tentu akan kian bertambah memandangkan perusahaan perindustrian dan perumahan berkembang dengan pesat dan jumlah penduduknya tentu akan melambung tinggi.


6. Oleh kerana Sekolah Menengah Foon Yew tidak dapat menampung lebih ramai murid, tambahan pula dasar sekolah ini tidak tersimpang daripada dasar pendidikan negara serta memupuk bakat-bakat pembangunan negara. Tambahan pula penubuhan Sekolah Menengah Foon Yew Cawangan Kulai berupa kehasratan bersama penduduk kawasan Kulai. Bersama ini pihak kami sangat-sangat berharap Yang Berhormat memberi pertimbangan semula serta meluluskan permohonan tersebut.

7. Bersama ini dilampirkan surat sokongan dari 105 orang wakil persatuan-persatuan Tionghoa bersama dengan chap-chap dan tandatangan-tandatangan mereka.


8. Permohonan tersebut telah mendapat sokongan penuh dari Dato' Kuek Ho Yao dan Jemaah Pengelola Sekolah Menengah Foon Yew.

Atas jasa baik dan kerjasama Yang Berhormat kami sudahi dengan ucapan berbilang-bilang terima kasih.


Yang benar,




(CHENG SHIAU SWIE, J.P.)



(DATO' KUEK HO YAO)
Pengerusi
Jemaah Pengelola
Sek. Men. Foon Yew



- s.k.
1. Y.B. En. Woon See Chin, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia.
 2. Tuan Haji Mahpor Bin Baba, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor.



Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: KP (RPSG) 5195/
Tarikh: 27 Okt. 1990.

Encik Shiaw Swie, J.P.,
Pengerusi Jawatankuasa Protem,
Penubuhan Sek. Men. Poon Yew C, wangan Kulai,
c/o 79, Jalan Raya,
81000 Kulai,
Johor.

Perhubungan Penubuhan Sek. Men.
Poon Yew C wangan Kulai

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 19
September, 1990 kepada Menteri Pendidikan Malaysia mengenai
perkara yang tersebut di atas.

2. Rayuan yang lagi kemukakan telah dikaji dan dukacita
diaklukkan bahawa Kementerian ini tidak dapat meluluskan
permohonan untuk menubuhkan cawangan Sekolah Menengah Poon
Yew C di Kawasan Kulai.

Secian diaklukkan.

PERALIHAN UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

Lee Heng Watt
(LEE HENG WATT)
Bahagian Pendaftaran Sekolah dan Guru,
b.p. Pendaftaran Besar Sekolah dan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- s.k. 1) Setiausaha Sulit Kanan
Kepada Y.B. Menteri Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 2) Pendaftar Sekolah-Sekolah,
Johor.

ZAMI/kny



新山寬柔學校

(非盈利有限公司)

JOHORE BAHRU FOON YEW ASSOCIATED CHINESE SCHOOLS

(COMPANY LIMITED BY GUARANTEE)

附件

SALINAN

11

Kil. Kami - Our Ref:

Kil. Tuan - Your Ref

KP(BPSG) 5195/17/W (61)

R 4380

27/9/93

Kepada,

Y.B. Dato' Dr. Hj. Sulaiman bin Hj. Daud
Menteri Pendidikan Malaysia,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Paras 7, Blok J,
Pusat Bandar Damansara,
50604 Kuala Lumpur,
Malaysia.

25 Sept. 1993

Yang Berhormat,

Permohonan Penubuhan Sek. Men. Foon Yew Cawangan Kulai

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Jemaah Pengelola Sek. Men. Foon Yew dan Jawatankuasa Protem Penubuhan Sekolah Menengah Foon Yew Cawangan Kulai, pernah menyampaikan permohonan berkenaan dengan perkara yang tersebut kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada 29 Mei 1989 dan 19 Sept. 1990. Dukacitanya pihak kami menerima surat penolakan atas perkara tersebut dari Kementerian Pendidikan pada 5 Ogos 1989. Berdasarkan permintaan dan hasrat penduduk Kulai, Jawatankuasa kami sekali lagi menyampaikan alasan-alasan berikut dengan harapan pihak Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan semula atas permohonan tersebut.

2. Sejak negara Malaysia mencapai kemerdekaan, Kerajaan Barisan Nasional telah berusaha dengan sedaya upaya untuk memperkembangkan pendidikan. Dalam pada itu, Kerajaan juga mengambil langkah serta mengamalkan dasar terbuka supaya pelbagai aliran pendidikan dapat berkembang dengan bebas serta turut memupuk bakat-bakat pembangunan dalam berbagai bidang untuk membantu kerajaan mencapai matlamat wawasan 2020. Iusteru itu rakyat herbilang bangsa dapat menikmati kehidupan yang penuh berbahagia di dalam negara yang maju dan aman damai. Setiap rakyat tentu berasa bangga atas kejayaan tersebut.

3. Suatu kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa dasar pendidikan Sekolah Menengah Foon Yew tidak pernah terpesong daripada dasar pendidikan negara. Sekolah ini telah memupuk berpuluh ribu tamatan untuk pembangunan negara.

4. Jumlah murid Sekolah Menengah Foon Yew kini telah melampaui lima ribu tujuh ratus orang. Keluasan pekarangan sekolah hanya dua belas ekar. Memandangkan keadaan yang sedemikian, sekolah ini tidak mampu lagi menampung lebih ramai murid berkelulusan dari sekolah rendah yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di sekolah ini. Oleh yang demikian, lebih daripada 3000 calon yang mengambil peperiksaan masuk ke sekolah ini pada setiap tahun akhir-akhir ini, namun sekolah ini hanya dapat menerima 1000 orang murid dan yang lain terpaksa dikikiskan.



Our Ke

Your Ke

5. Pada setakat ini, murid-murid berasal dari kawasan Kulai yang sedang belajar di sekolah ini telah meningkat hingga 729 orang. Dan jumlah murid ini tentu akan kian bertambah memandangkan perusahaan perindustrian dan perumahan berkembang dengan pesat dan jumlah penduduknya tentu juga akan melambung tinggi.

6. Sekolah Menengah Foon Yew berupa satu-satunya Sekolah Menengah Cina Persendirian dalam lingkungan 30 batu di Kawasan Johor Selatan. Dari Senai sampai Bukit Batu terdapat 11 buah Sekolah Rendah Cina. Seramai 1145 orang murid berkelulusan Darjah VI setiap tahun. Dalam pada itu sebanyak lebih kurang 554 orang murid menyertai peperiksaan masuk yang diselenggarakan oleh sekolah ini setiap tahun. Dan yang berjaya memasuki sekolah ini cuma kira-kira 261 orang. Dengan kata lain masih terdapat seramai 293 orang murid tidak berpeluang melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Foon Yew, Johor Bahru.

7. Murid-murid sekolah ini yang tinggal di kawasan Kulai itu rata-rata menghabiskan dua hingga tiga jam dalam perjalanan antara sekolah dengan tempat kediaman mereka setiap hari. Tambahan pula mereka perlu membelanjakan tambang antara \$30.00 hingga \$50.00 setiap bulan. Kepenatan akibat dari jarak perjalanan yang jauh tersebut berupa tekanan jiwa para pelajar; sedangkan perbelanjaan tambang pula berupa beban ekonomi ibu-bapa murid. Jika pihak kerajaan meluluskan permohonan penubuhan cawangan Sekolah Menengah Foon Yew di kawasan Kulai, justeru kedua-dua beban kelebihan yang tertera itu sudah tentu dapat diatasi dengan sempurna.

8. Berdasarkan data-data perhitungan, kini seramai lebih daripada 729 orang murid dari kawasan Kulai sedang belajar di Sekolah Menengah Foon Yew. Tambahan murid-murid baru setiap tahun itu sudah tentu memenuhi syarat untuk penubuhan sebuah cawangan sekolah di kawasan Kulai.

9. Asas pembangunan ekonomi sesebuah negara berteraskan taraf pendidikan rakyatnya. Dalam penerokaan ekonomi antarabangsa, perjalinan kebudayaan serta dalam usaha untuk memperolehi kecekapan teknologi baru yang sofistikated, negara Malaysia dapat memainkan peranan yang tertentu kerana keunikannya yang tidak terdapat pada negara-negara lain. Faktor yang terutama sekali ialah rakyat negara ini berkemampuan menguasai berbagai bahasa. Fenomena ini berupa kelebihan pendidikan negara Malaysia pada masa ini.

Demi memenuhi kehendak penduduk-penduduk di kawasan Kulai, pihak kami sangat-sangat berharap Yang Berhormat meluluskan permohonan penubuhan Sekolah Menengah Foon Yew Cawangan Kulai. Atas perhatian dan pertimbangan pihak tuan, kami sudahi dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga.

新山寬柔學校

(非盈利有限公司)


JOHORE BAHRU FOON YEW ASSOCIATED CHINESE SCHOOLS



Yang benar,
J.B. FOON YEW ASSOCIATED CHINESE SCHOOLS



HUANG FU SENG
Pengerusi, Jemaah Pengelola
SEKOLAH MENENGAH FOON YEW



CHENG SHIH SWIE J.P.
Pengerusi, Jawatankuasa Protem
SEKOLAH MENENGAH FOON YEW
CAWANGAN KULAI

s.k.

- (1) Y.B. Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
- (2) Tuan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor

ng
ni
an
ga

na
rai
ng
jih
an
ma
rid
aw,

ata
an
rlu
tan
ara
ipa
zan
dan
a.

729
ew.
rat

raf
nan
aru
ntu
ing
gai
asa

ami
nan
zan
a.,

JAWATANKUASA

加影育華獨立中學委員會

PENUBUHAN SEMULA SEKOLAH MEN. PERSENDIRIAN YU HUI JI

No. 39, JALAN MBNDALING, 43000 KAJANG, SELANGOR.
TEL: 8331204

3/7/74
SALINAN

Our Ref:

Your Ref:

Date 25.9.86

Duta Pengarah Pelajaran Selangor,
Duta Pelajaran Selangor,
Jalan Mahameru,
Kuala Lumpur.

Permohonan Untuk Mendaftarkan Sekolah:
Sekolah Menengah Persendirian Yu Hua, Kajang.

Dengan segala hormatnya saya bagi pihak Jawatankuasa Penubuhan Semula Sekolah Menengah Persendirian Yu Hua mengemukakan permohonan tersebut (dalam Borang Edu.Eng.97-1/2/79 serta lampiran-lampirannya) untuk pertimbangan dan kelulusan tuan.

2. Tujuan untuk menubuhkan semula Sekolah Menengah Persendirian Yu Hua ialah untuk :

- 2.1 memenuhi permintaan dan hasrat para ibubapa yang mahukan anak-anak mereka melanjutkan pelajarannya di sekolah persendirian.
- 2.2 menjimatkan serta mengurangkan perbelanjaan bagi ibubapa yang menghantar anak-anak mereka untuk belajar di sekolah-sekolah persendirian di Kuala Lumpur dan Seremban.

3. Diharap permohonan kami ini akan dapat diluluskan oleh tuan dengan secepat mungkin.

Terima kasih.

Yang ikhlas,


(Yeoh Bah Chee)

Pengerusi,
J/K Penubuhan Semula
Sekolah Menengah Persendirian Yu Hua,
Kajang.

s.k.

1. Y.B. Dato' Lee Kim Sai
Ahli Parlimen Kawasan Hulu Langat
merangkap: Menteri Buruh Malaysia.
2. Y.B. En. Woon See Chin,
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia.

Duta Pelajaran Daerah Hulu Langat.

HU
4
AN

復辦加影育華獨立中學委員會
JAWATANKUASA PENUBUHAN SEMULA SEKOLAH MEN. PERSENDIRIAN YU HUA
C/O No. 39, JALAN MENDALING, 43000 KAJANG, SELANGOR.
TEL: 8331204

Our Ref:

Your Ref:

Date 25.9.86

Tuan Pengarah Pelajaran Selangor,
Jabatan Pelajaran Selangor,
Jalan Mahameru,
50604 Kuala Lumpur.

Tuan,

Pengerusi Dipilih

7-


Dengan segala hormatnya dimaklumkan Jawatankuasa Penubuhan Semula Sekolah Menengah Persendirian Yu Hua yang bermesyuarat di Merchants' Club, 39, Jalan Mendaling, Kajang pada 23.9.86 jam 8.00 petang telah memilih yang berikut untuk mewakili Jawatankuasa ini.

oleh.

Pengerusi:	En. Yeoh Bah Chee	No.K/P	1731064
Ahli-ahli:	En. Tan Seng Huat	No.K/P	1477787
	En. Lee Hing	No.K/P	4073903
	En. Liew Hon Kheong	No.K/P	1634156
	En. Tan Teck Sing	No.K/P	8029014

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang ikhlas,


(Yeoh Bah Chee)

Pengerusi.

J/K Penubuhan Semula Sekolah Menengah
Persendirian Yu Hua, Kajang.

UNDANG-UNDANG PELAJARAN, 1961
THE EDUCATION ACT, 1961

PERMOHONAN MENDAFTARKAN SEKOLAH
SEKSYEN 46 (2)

APPLICATION FOR REGISTRATION OF A SCHOOL
Section 46 (2)

Kepada: To:

Pendaftar Sekolah-sekolah,
Pejabat Pelajaran,
SELANGOR.

The Registrar of Schools,
Education Office.

Di bawah ini dinyatakan butir-butir keterangan Sekolah yang akan dibuka di tempat alamatnya yang tersebut di bawah ini dan dipohon kepada tuan mengeluarkan sijil pendaftaran kerananya sebagaimana yang disyaratkan oleh Undang-undang Pelajaran, 1961.

I submit below particulars of a School which it is proposed to open at the address given below and request you to issue a certificate of registration for the same under the Education Act, 1961.

Haribulan Date 25.9.1986

(Tandatangan) (Signed) [Signature]
bagi pihak Pengelola, Pengurus atau mereka yang bertanggungjawab menguruskannya.
for Governors, Managers or persons responsible for the management.

(Jika didapati soalan-soalan yang ada berpetak di sebelah jawabannya, cara menjawabnya ialah dengan meandakan demikian dalam petak pada jawapan yang betul).
(Where boxes are shown against any question please indicate the appropriate answer by "checking" the relevant box thus).

1. Nama Sekolah
Name of School
Sekolah Menengah Persendirian Yu Hua

(Tulisan China, jika terpakai)
(Chinese Characters, if applicable)

2. Alamat Sekolah
Address of School
d/a No. 39, Jalan Mendeling, 43000 Kajang.

3. Bantuan yang diterima
Assistance received
 Penuh Full Sebahagian Partial Tiada Nil

4. Jenis Sekolah dan Pelajaran yang diadakan
Type of School and Course(s) to be provided
 Taman Didik Kanak-kanak Kindergarten Menengah Tinggi Perindustrian Upper Secondary Trade Sekolah Malam atau Kelas-kelas Petang Night School or Evening Classes
 Rendah Primary Menengah Tinggi Teknik Upper Secondary Technical *Pelajaran Tinggi Higher Education
 Menengah Rendah Lower Secondary Menengah Tinggi Latih-Kerja Upper Secondary Vocational Melalui Pos Correspondence
 Menengah Tinggi Akademi Upper Secondary Academic Menengah lain-lain. Sila terangkan Other Secondary. Please specify Sekolah lain-lain. Sila terangkan Other educational institution. Please specify.

5. Jantina
Sex
 Lelaki Boys Perempuan Girls Campuran Mixed

6. (i) Pengantar Utama
Main
Bahasa Tionghua
(ii) Pengantar Tambahan
Subsidiary
Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris
7. (i) Nama
Name
Yeoh Bah Chee
(ii) Alamat
Address
3, Jalan 1, Desa Ros, Kajang.

* Pelajaran Tinggi adalah bersekolah pelajaran yang sesuai dengan keperluan-kelompok masyarakat yang telah tamat pelajaran menengah mereka.
Higher Education means education suitable to the requirements of those who have completed their secondary education.

8. Guru Besar Head Teacher	8. (a) Nama Name	En. Chong Wah Fong		
	(b) Alamat Address	15, Jalan 1, Desa Rose, 43000 Kajang		
9. Bayaran Sekolah yang dicadangkan Fees Proposed	9. (a) Pelajaran S. Tuition	20.00	(b) Asrama S. Boarding	(c) Lain-lain S. Others
10. Cadangan tiada hendak mengenakan bayaran atau hendak mengurangkan Remission or reduction of fees proposed	10.			
11. Puncu-puncu pendapatan yang lain Other sources of Revenue	11. (a) Dari wang yang dipemiagakan atau hasil tanah yang dimiliki S. From invested funds or landed property			
	(b) Daripada yuran orang ramai S. From public subscriptions	30,000.00		
	(c) Yuran daripada punca yang khas S. From private subscriptions	20,000.00		
12. Sewa Bangunan Sekolah Rent of School Premises	12. S. bagi sebulan p.m.	percuma		
13. Hutang atau bayaran yang kena dibayar oleh Sekolah Debts or charges on School	13.	Tiada		

**PERATURAN-PERATURAN BAGI PEMINTA
INSTRUCTIONS TO APPLICANT**

Sila perhatikan tiap-tiap permohonan hendaklah disertakan dengan:
Please note that the following must be attached to the application:

- | | |
|--|--|
| (a) Wang \$2 sebagai bayaran. | (a) A fee of \$2. |
| (b) Salinan surat lantikan menjadi Pengerusi, yang bertulis, atau jika dipilih, suatu salinan cabutan butir mesyuarat memilihnya yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua orang ahli Lembaga itu. | (b) A copy of the appointment, in writing, of the Chairman, or if elected, an extract of the minutes of the meeting at which he was elected signed by at least 2 members of the Board. |
| (c) Suatu pelan bangunan Sekolah yang menunjukkan ramai murid-murid yang diuntuk belajar dalam sesebuah bilik darjah. | (c) A plan of the School premises indicating the number allotted to each room used for purposes of instruction. |
| (d) Suatu senarai yang bernombor sepadan dengan pelan itu, menyatakan ukuran panjang dan lebar tiap-tiap sebuah bilik yang digunakan sebagai tempat belajar. | (d) A list, numbered to correspond with the plan, of each room used for purposes of instruction with the dimensions of each. |
| (e) Suatu senarai yang menyatakan nama, umur, kelayakan-kelayakan, pengalaman dan gaji tiap-tiap seorang guru atau orang yang akan menjadi guru. | (e) A list setting out the name, age, qualifications, experience and salary of each teacher or each intended teacher. |
| (f) Suatu daftar menyatakan nama dan alamat tiap-tiap seorang Pengeloa atau Pengurus. | (f) A list setting out the name and address of each Governor or Manager. |
| (g) Suatu salinan atau rancangan Surat Kuasa Mentadbir atau Mengeloa. | (g) A copy or draft of the Instrument of Government or Management. |
